KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 19/2/2022 (SABTU) | MUKA SURAT | : | 20 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |



lokal

# HARAP TUAH KULIT PAK BELANG DI RESTORAN

## *Perhilitan serbu kedai makan tak mempunyai lesen simpan bahagian hidupan liar*

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Mungkin ia disifatkan pembawa tuah apabila pemilik sebuah restoran sengaja mempamerkan kulit harimau belang *(Panthera tigris jacksoni)* yang sudah diawet di dalam premis.

Tindakan itu bagaimanapun mengundang padah apabila restoran terletak di Sentul di sini, itu diserbu sepasukan penguatkuasaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Rabu lalu.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pemeriksaan mengejut dilakukan di premis perniagaan itu susulan maklumat diterima pihaknya.

"Hasil pemeriksaan mengejut itu, pegawai Perhilitan Kuala Lumpur merampas satu trofi disyaki kepala rusa, kulit harimau dan kulit beruang.

"Siasatan lanjut terhadap pemiliknya warga tempatan mendapati dia tidak mempunyai lesen atau permit menyimpan bahagian hidupan liar itu," katanya.

Susulan itu semua barangan dirampas dibawa ke Jabatan Perhilitan Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, kes berkenaan bakal disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan sekiranya disabitkan kesalahan di mahkamah, pelakunya boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada RM500,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Kadir berkata, berdasarkan rekod, sebanyak tiga kulit harimau belang dirampas pihaknya di Kuala Lumpur antara 2015 hingga kini.

> **"Pegawai Perhilitan rampas satu trofi kepala rusa, kulit harimau dan kulit beruang**
> Abdul Kadir

"Dua kes rampasan berlaku pada 2015 manakala satu kes rampasan dilakukan tahun ini.

Beliau berkata, pelbagai program dan inisiatif penguatkuasaan sudah dan sedang dilaksanakan Perhilitan dengan kerjasama pelbagai agensi keselamatan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mengekang kegiatan pemburuan hidupan liar ini.

Menurutnya, perhatian serius diberikan pihaknya dalam usaha menyelamatkan harimau Malaya berikutan jumlahnya semakin berkurangan.

Pada 3 November 2019, seorang penjawat awam ditahan polis kerana memiliki kulit dan organ harimau belang dalam serbuan di sebuah rumah di Bunut Perol, Nilam Puri di Kota Bharu, Kelantan.

Lelaki berusia 52 tahun itu ditahan menerusi Operasi Khazanah yang dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Perhilitan.

Hasil operasi itu, polis menemui kulit kepala harimau belang yang dikeringkan, satu kuku harimau, dua gigi taring dan satu keping kulit harimau dalam rumah itu.

Sementara itu pada 6 Julai 2018, empat lelaki dan dua wanita Vietnam ditahan pegawai Perhilitan selepas didapati menyimpan beberapa bahagian hidupan liar termasuk kulit, taring dan kuku harimau tanpa dokumen sah di kilang papan di Kuala Lipis Pahang.



KULIT harimau yang dirampas Perhilitan susulan serbuan di restoran di Sentul.

